



SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahana Segera

GREAT EASTERN TAKAFUL SERAH ZAKAT PERNIAGAAN TAHUNAN

Kuala Lumpur, November 2015 - Great Eastern Takaful Berhad (GETB) menyerahkan wang zakat perniagaan 2014 kepada Sekolah Rendah Agama Al-Alusi, Kampung Datuk Keramat. Sumbangan zakat perniagaan ini telah diserahkan sendiri oleh En Zafri Ab Halim, Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful serta Ustaz Mohd Ismadi bin Aris, Guru Besar SRA Al-Alusi kepada seramai 83 orang murid asnaf pada majlis penyerahan zakat yang dianjurkan di sekolah tersebut.

"Alhamdullilah, kami berasa amat bersyukur kerana dapat menyalurkan wang zakat dari keuntungan perniagaan kami dan berharap sumbangan wang zakat ini akan turut membantu asnaf-asnaf zakat yang layak. Sebagai warga korporat sudah pasti ia menjadi fokus kami untuk sama-sama menjaga kebijakan golongan yang memerlukan", ulas En Zafri.

"Sehubungan itu kami menyalurkan zakat dalam bentuk bantuan persekolahan kepada SRA Al-Alusi yang juga merupakan kejiranan yang paling hampir dengan tempat syarikat kami beroperasi. Selain mengeratkan silatulrahim dengan masyarakat setempat kami juga berharap agar pemberian kami ini dapat membantu ibu bapa untuk melengkapkan persediaan anak-anak mereka bagi menghadapi penggal baru persekolahan pada tahun hadapan".

"Kami menyedari akan kesulitan yang mungkin dihadapi oleh sesetengah ibu bapa dalam menyediakan keperluan persekolahan anak-anak mereka dan kami sangat berbesar hati untuk bekerjasama dengan sekolah Al-Alusi yang berhampiran dengan pejabat kami", tambah beliau.

Sumbangan kali ini berupa kelengkapan persiapan persekolahan termasuk pakaian seragam sekolah, kasut, beg sekolah, alatulisis, yuran persekolahan penggal baru 2016 di samping sumbangan baucer tunai

untuk menampung keperluan keluarga. Majlis tersebut turut dihadiri ibu bapa atau penjaga untuk sama-sama menerima sumbangan tersebut.

"Menerusi bantuan ini, kami amat mengharapkan agar pemberian ini akan dapat memberikan dorongan kepada murid-murid tersebut untuk lebih bersemangat meneruskan pembelajaran dalam keadaan yang tenang, selesa dan berasa teruja untuk memulakan sesi penggal baru persekolahan pada tahun hadapan", tambah beliau.

Manakala Ustaz Mohd Ismadi bin Aris, Guru Besar SRA Al-Alusi turut berkata, "Pihak kami amat berterima kasih kepada Great Eastern Takaful kerana memilih para pelajar dari sekolah kami untuk menerima sumbangan zakat ini. Kami berharap agar usaha dan kerjasama yang terjalin ini akan berterusan terutama dari aspek pendidikan pada masa hadapan".

Selain dari inisiatif ini, Great Eastern Takaful turut menganjurkan program CSR tahunan GETB iaitu Bijak Amwal untuk melahirkan generasi celik kewangan dan takaful di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

-Tamat-

Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usahasama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, syarikat telah mencapai kemajuan yang besar yang mana telah dianugerahkan sebagai di mana ia dinamakan 'Best New Islamic Institution' tahun 2011; 'Best New Takaful Institution' pada tahun 2012; dan 'Best Takaful Operator (Asia)' 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai.

Untuk sebarang maklumat berkaitan media, sila hubungi:

Zarina Idris, Brand & Marketing Communications, Tel: 03 4259 8336 atau e-mail: Zarinaldris@i-great.com.my



GETB menyerahkan wang sumbangan zakat 2014 kepada murid-murid asnaf Sekolah Rendah Agama Al-Alusi, Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Dari kiri, Ustaz Bunyamin bin Md Razi, En Razali Kipli (Ketua Sumber Manusia), Ustaz Mohd Ismadi bin Aris (Guru Besar SRA Al-Alusi), En Zafri AB Halim (Ketua Pegawai Eksekutif), Tengku Sheila Tengku Azib (Ketua, Bahagian Jenama & Komunikasi Pemasaran dan Ustazah Zalinah binti Haji Makhdom (Guru Penolong Kanan Pentadbiran SRA Al-Alusi).